

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Oleh

Amer Saifude
Ghazali

Politik Etnik Dalam Pilihan Raya Parlimen 2008 di Malaysia

Amer Saifude Ghazali

Pilihan raya umum Mac 2008 agak menarik perhatian dan menunjukkan kelainannya berbanding pilihan-pilihan raya umum yang lepas. Pertamanya adalah kerana lima buah negeri/wilayah telah dikuasai oleh parti pembangkang iaitu Pulau Pinang, Kedah, Perak, Selangor, Kuala Lumpur termasuk Kelantan yang terus dikuasai oleh parti PAS. Dalam pilihan raya ini juga, pihak kerajaan BN telah kehilangan majoriti 2/3 kerusi parlimen apabila memenangi 140 kerusi berbanding 82 kerusi oleh pakatan pembangkang yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS. Kedua, adalah berkaitan dengan pola pengundian etnik kepada parti-parti politik. Secara tradisinya, setiap etnik akan memberikan sokongan yang padu kepada parti-parti yang mewakili kepentingan etnik masing-masing. Tetapi pada pilihan raya parlimen 2008, etnik-etnik yang terbesar seperti Melayu, Cina dan India telah memberikan sokongan yang tinggi kepada pakatan parti pembangkang. Di kawasan-kawasan pilihan raya yang bercampur (tidak ada satu etnik yang majoriti dalam kawasan pilihan raya), kebanyakannya dimenangi oleh pakatan parti pembangkang. Walhal kawasan yang bercorak sedemikian dalam pilihan-pilihan raya yang lepas merupakan kubu kuat BN. Seterusnya, yang agak penting adalah keberanian pengundi untuk memilih parti pembangkang terutamanya di kawasan bercampur seperti yang diterangkan sebelum ini. Dan ternyata coraknya agak berlainan dengan pilihan-pilihan raya yang lepas. Mereka secara jelas menolak idea politik pembangunan yang sering dijadikan bahan kempen oleh BN. Seolah-olah idea ini sudah lapuk dan rakyat/pengundi mahukan sesuatu yang lebih daripada pembangunan. Ini membawa kepada beberapa persoalan asas; adakah politik etnik semakin menghilang dalam lanskap politik negara setelah bertunjang sekian lama, adakah pengundi semakin hilang kepercayaan kepada parti politik yang berasaskan etnik dan sedia menerima parti politik berbilang etnik, atau adakah pengundi sekarang sudah agak matang dan sedia berubah.